

## Elaun khas kepada petugas RTM dan KPDNHEP sedang dipertimbang

Mac 29, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR, 29 Mac** - Kementerian Kewangan sedang mempertimbang pemberian elaun khas kepada petugas RTM dan Penguatkuasa KPDNHEP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pertimbangan dibuat mengikut kesesuaian agar tidak menjadi beban kepada kerajaan.

Datuk Seri Mustapa ditemui media selepas menjadi tetamu program Bicara Naratif di Angkasapuri.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/17059-elaun-khas-kepada-petugas-rtm-dan-kpdnhep-sedang-dipertimbang>